

25 MAR 1997

Ali - Spiderman

SPIDERMAN DIBENAR PANJAT MENARA KEMBAR TERTINGGI DUNIA

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Hasrat lelaki Perancis atau dikenali sebagai Spiderman untuk memanjat Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini akan menjadi kenyataan.

Alain Robert, 34, dibenar memanjat bangunan tertinggi di dunia itu untuk tujuan kebajikan pada 5 April ini. Beliau sebelumnya ditahan oleh pihak berkuasa minggu lepas kerana cuba memanjat bangunan itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam berkata ini hasil perbincangan beliau dengan Robert di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi persetujuan bagi Robert memanjat menara 88 tingkat setinggi 451.9 meter itu untuk tujuan berkenaan.

Mohd Ali yang juga Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) berkata usaha sedang dijalankan untuk mendapat kebenaran Petronas dan polis untuk Robert berbuat demikian.

"Robert bersetuju menanggung sendiri risiko dan akan menerima 10 peratus daripada kutipan atau derma keseluruhan daripada usaha itu," kata beliau.

Mohd Ali berkata beliau mencadangkan tiga yayasan -- Yayasan Jantung Negara, Yayasan AIDS Negara dan Yayasan Mikro-Kredit Perhimpunan Belia Sedunia sebagai badan amal yang akan menerima hasil kutipan itu.

Katanya, tabung Yayasan Mikro-Kredit WAY akan dilancarkan Jun ini untuk membantu belia-belia miskin di seluruh dunia berdikari. Sebanyak 87 negara menjadi anggota anggota WAY.

Mohd Ali berkata kerajaan memberi kebenaran kepada Robert memanjat Menara Berkembar Petronas kerana menghargai kemahiran memanjat yang ada padanya.

"Ini juga membantu memperkenalkan negara serta menara tertinggi itu," katanya.

"Belia 4B kini menanggung kos perbelanjaan dan penginapan Robert sehingga selesai usaha amal itu," kata Mohd Ali.

Ketika ditemui, Robert berkata beliau amat gembira dan berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana membenarkannya memanjat menara yang disifatkannya bukan sahaja tertinggi di dunia malahan begitu cantik sekali.

Robert berkata, beliau telah mencuba memanjat beberapa bangunan tinggi sejak 1975 tetapi tidak berjaya kerana ditahan oleh pihak berkuasa.

"Cuma bangunan Empire State Building di New York yang saya berjaya panjat hingga sampai ke puncaknya pada 1995," katanya.

Robert berkata beliau bercadang untuk memanjat bangunan di Moscow dan Toronto, masing-masing pada Jun dan September ini. -- BERNAMA

SJA FAZ